



SIARAN MEDIA

MAJLIS PELUNCURAN PLAK TASKA BERDAFTAR

PUTRAJAYA, 10 JANUARI – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri hari ini telah menyempurnakan Majlis Peluncuran Plak TASKA Berdaftar bertempat di Taska Seri Kandi, Jabatan Audit Negara, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terus komited dalam memastikan sistem pengasuhan dan penjagaan awal kanak-kanak di negara ini berada pada tahap yang terbaik, selamat dan berkualiti.

KPWKM melihat inisiatif pemasangan Plak TASKA Berdaftar ini merupakan salah satu usaha dan solusi terbaik bagi memastikan ibu bapa atau penjaga menghantar anak ke TASKA yang berdaftar serta membantu usaha kerajaan menangani isu penderaan dan pengabaian kanak-kanak di TASKA. Usaha ini diharap dapat memberikan keyakinan kepada ibu bapa dan masyarakat bahawa setiap TASKA yang berdaftar mematuhi Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012.

Isu keselamatan dan kelayakan pengasuh merupakan perkara yang ditekankan dalam proses pendaftaran sesebuah TASKA. Bagi TASKA yang telah berdaftar, ia memberi maksud bahawa TASKA tersebut telah mematuhi standard minimum yang ditetapkan. Berpegang kepada perkara ini, Kementerian mengambil inisiatif baru bagi tahun 2025 iaitu dengan

mewujudkan Plak TASKA Berdaftar. Ini bagi memastikan masyarakat dapat mengetahui sama ada sesebuah TASKA itu berdaftar atau tidak dengan pantas dan tuntas selain daripada membuat semakan di laman sesawang Jabatan Kebajikan Masyarakat di www.jkm.gov.my.

Semua TASKA berdaftar diwajibkan mempamerkan Plak TASKA Berdaftar ini di tempat yang mudah dilihat di luar premis masing-masing. Ini bagi memastikan ibu bapa atau masyarakat dapat melihat dengan jelas kewujudan plak tersebut. Setakat ini sebanyak **3,198 buah TASKA berdaftar** akan terlibat dalam inisiatif pemasangan plak ini.

Kementerian menyeru semua pihak terutama bagi TASKA yang belum berdaftar agar segera melaksanakan proses pendaftaran. Semoga inisiatif pemasangan Plak Pendaftaran ini dapat menjadi pemangkin dalam memastikan jumlah TASKA berdaftar terus bertambah sekaligus meningkatkan keyakinan ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke TASKA berkenaan.

Turut hadir dalam majlis ini YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, YBrs. Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd. Zain, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JKM, YBrs. Puan Rosmahwati binti Ishak, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) JKM, YBrs. Dr. Sopian bin Haji Brahim, Pengarah Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak(JPKK) serta warga kerja Kementerian, Jabatan dan Agensi.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
10 JANUARI 2025**